

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MELETAKKAN BATU ASAS DEWAN
BANDARAN TAIPING SEMPENA MERAYAKAN
ULANGTAHUN YANG KE SERATUS BANDAR
TAIPING PADA 21^{HB} NOVEMBER, 1974

Tuan Haji Yang Rashdi¹, Y.A.B. Tan Sri Ghazali Jawi, Saudara-saudara sekalian.

Saya sama-sama merasa gembira dengan saudara-saudara dalam peristiwa bersejarah hari ini bagi menyambut perayaan seratus tahun terdirinya bandar Taiping. Sempena dengan perayaan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penduduk-penduduk bandar Taiping sambil menyatakan penghargaan kerana memberikan saya penghormatan meletakkan batu asas Dewan Bandaran yang baru ini.

Di samping merasa gembira dan megah, saya percaya tentulah pula saudara-saudara akan cuba menjadikan bandar Taiping ini lebih terkenal dan maju, bahkan dapat berlumba sebagai pusat perindustrian yang terpenting di Perak ini.

Lazimnya bandar-bandar yang lahir dan berkembang kerana kekayaan isi bumi di kawasan sekitarnya berakhir sebagai 'ghost town' manakala segala kekayaannya itu habis diambil dan bandar-bandar itu hanya tinggal dalam kenangan sahaja. Sejarah bandar Taiping adalah satu contoh yang nyata sekali. Bandar ini mula tertubuh dalam tahun lapan belas lima puluhan bilamana bijih timah didapati di kawasan ini. Dan dari semenjak itu sudah bermula perhubungan negara kita dengan dunia luar, hinggalah membawa kepada kemasukan Pengaruh British yang telah bertapak di Pulau Pinang dan Singapura pada waktu itu. Peristiwa-peristiwa berikutnya adalah pengetahuan umum dan sehingga adanya tafsiran serta approach baru terhadap sejarah, selama itu terdapat hanya apa yang telah diertikan oleh penjajah sahaja.

Sejarah Taiping, pada hemat saya, mempunyai dua pengertian penting. Bagi kita Taiping melambangkan kekayaan negara kita dan juga tapak permulaan enterprise Bumiputra di bawah Datuk Menteri-menteri pada masa itu. Tetapi bagi pihak lain,

¹ Pegawai Daerah, Taiping.

Taiping mungkin dianggap sebagai tapak di mana pengaruh asing mula menjalar dengan pembukaan lombong-lombong bijih di sini yang berakhir dengan kejayaan strategi Inggeris memerintah Perak.

Saudara-saudara sekalian.

Berlatarkan sejarah tadi, hari ini kita merayakan ulangtahun tertubuhnya bandar Taiping ini dan segala bekas-bekas lama serta rekod-rekod yang berkaitan dengan sejarah bandar ini mestilah dijadikan pamiran dan pertunjukan tetap yang boleh memberi gambaran yang sebenar terhadap sejarah bandar ini. Peristiwa-peristiwa yang berlaku dan harta-harta yang lama boleh membuktikan bahawa kita juga mempunyai sejarah kita sendiri yang boleh dibanggakan.

Kalau kita luaskan lagi pandangan ini kepada seluruh ceruk rantau di negara ini, saya percaya bukan sahaja kita dan anak cucu kita akan lebih faham mengenai negara kita ini, bahkan orang-orang luar juga akan lebih terpesona dengan kita. Malangnya kebanyakan orang-orang kita dipengaruhi oleh penulis-penulis yang memandang sejarah kita hanya bermula setelah negara ini dijajah Inggeris. Sebelum dari itu kononnya negara kita tidak mempunyai sejarah. Ini adalah satu pandangan yang sempit. Oleh yang demikian, untuk mengimbangkan semula gambaran yang tidak benar ini, kita mestilah berasa bangga dengan detik-detik sejarah yang berlaku dalam negara kita. Bukan setakat itu sahaja, kita mesti juga memberikan gambaran yang sebenar dan bukannya gambaran yang diberikan oleh penulis-penulis sejarah kolonial. Bukan sedikit peristiwa di masa lampau yang menunjukkan keagungan kita yang mana penulis-penulis sejarah kolonial cuba menyembunyikan atau tidak menyebutkan sama sekali. Saya sukalah menganjurkan kepada penulis-penulis sejarah kita serta juga rakyat am supaya mengkaji sejarah asal usul sesuatu tempat itu untuk diketahui dan difahami oleh jenerasi-jenarasi akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Berbalik kita kepada peristiwa hari ini, saya suka hendak menyebut sedikit tentang masa depan bandar-bandar dan pekan-pekan di negara kita ini. Kita maklum negara kita sedang mengalami pembangunan pesat dalam penyusunan semula masyarakat Malaysia. Ini adalah asas penting bagi segala

tindakan kita di masa depan, tetapi serentak itu juga ketenteraman serta keharmonian mestilah dijaga. Adalah sia-sia kalau sesuatu tindakan hanya akan membangkitkan sesuatu yang boleh merosakkan tujuan kita.

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit tentang perancangan masa depan bandar-bandar di negara kita. Selain dari menjaga keindahan bandar-bandar kita, tumpuan utama Kerajaan ialah orang ramai penduduk bandar itu sendiri. Bandar-bandar dan kampung-kampung mestilah dijaga untuk kesejahteraan penduduk-penduduknya dan ini bermakna kita mesti memberi service atau perkhidmatan yang memuaskan. Bangunan yang indah dan jalan-jalanraya yang cantik tidak ada ertinya kalau tidak disertai dengan perkhidmatan yang secukupnya kepada rakyat. Saya harap dengan terdirinya bangunan Dewan Bandaran ini nanti, kerja-kerja Majlis Bandaran akan bertambah licin dan perkhidmatan kepada rakyat akan lebih memuaskan.

Kita semua maklum, selama beberapa decade pada akhir abad ke sembilan belas dan awal abad ini, Taiping memainkan peranan penting sebagai pusat pentadbiran Negeri Perak ini. Peranan ini hanya luput apabila pusat pentadbiran berpindah ke bandar baru Ipoh. Tetapi zaman gemilang Taiping datang semula, meskipun tidak lama, semasa pendudukan Jepun semasa Gunsaikanbu atau Markas Pentadbiran Tentera untuk Malaya-Sumatra ditempatkan di Taiping hingga tamat Perang Dunia pada tahun 1945.

Seperti saya katakan awal tadi, saya sukacita melihat perkembangan dan kemajuan Taiping hari ini dalam peranan barunya sebagai salah satu pusat perindustrian di Perak. Keadaannya yang lesu in the backwaters of economic life sudah berubah corak dan saya percaya tempo ini akan dapat dikekalkan. Di samping keindahannya, kita berharap semoga bandar Taiping ini akan dapat memberi contoh dalam bidang pentadbiran bandar yang cekap. Biasanya bila kita menyebut tentang kecekapan, yang diertikan ialah kerja-kerja di dalam pejabat dan yang diabadikan dalam fail. Itu adalah konsep yang usang dan perlu diubah. Tumpuan perhatian kita sepatutnya ialah supaya penduduk-penduduk bandar ini dapat hidup dengan lebih sempurna lagi. Dengan kata-kata lain, kemajuan yang kita utamakan khususnya untuk kesejahteraan rakyat jelata. Saya berharap pentadbir bandar Taiping ini dan masa hadapan akan dapat memainkan peranannya dalam segi ini.

Saudara-saudara sekalian.

Beralih kepada masalah berhubung dengan pentadbiran Kerajaan-kerajaan Tempatan, saya ingin menghuraikan serba sedikit dasar Kerajaan berkenaan perkara ini pada masa sekarang. Rancangan Malaysia Kedua, antara lain, menggariskan tujuan kita untuk membaiki keadaan bandar-bandar supaya lebih teratur lagi. Oleh sebab perkembangan yang begitu pesat, tidaklah dapat dielakkan kawasan-kawasan di setengah-setengah bandar yang tidak begitu teratur perkembangannya. Adalah menjadi dasar Kerajaan supaya kawasan-kawasan ini dibina semula dan dengan demikian, kegunaan tanah-tanah di dalam kawasan bandar akan lebih ekonomik dan juga akan bertambah teratur kedudukannya. UDA yang berumur tiga tahun sudahpun menjalankan beberapa kegiatan bagi menghasilkan tujuan-tujuan tersebut, tetapi perkara ini tidaklah patut dibebankan kepada pihak UDA sahaja. Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan dengan kerjasama Perbadanan-perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri hendaklah berusaha mencapai tujuan-tujuan Kerajaan seperti yang telah disebutkan itu.

Buat masa hadapan ini, Kerajaan akan menitikberatkan perhatian kepada pembinaan rumah untuk rakyat. Perumahan-perumahan secara teratur akan dibina dengan kemudahan-kemudahan yang tertentu bagi penghuni-penghuninya. Begitu juga kawasan-kawasan perindustrian mestilah dirancang dengan baik supaya hasrat kita untuk menyusun semula masyarakat dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bagi mencapai tujuan-tujuan yang telah saya sebutkan itu, saya sukalah juga mengingatkan Kerajaan Negeri akan mustahaknya melaksanakan langkah mengubah struktur penguasa-penguasa tempatan terutama sekali bandar-bandar. Satu Akta telahpun diluluskan oleh Parlimen pada tahun yang lepas bagi maksud ini dengan tujuan supaya menjadikan sesuatu penguasa tempatan itu suatu badan yang berkeupayaan dengan cara meluaskan lagi kawasan dan bidangkuasanya ataupun dengan cara menggabungkan beberapa buah penguasa-penguasa tempatan yang berjiran untuk disatukan pentadbirannya.

Penyusunan semula ini akan melicinkan pentadbiran penguasa tempatan itu supaya ianya boleh memberi perkhidmatan yang lebih sempurna kepada penduduk-penduduk dalam kawasan itu. Di samping itu juga adalah menjadi tujuan Kerajaan yang

penting untuk memberi faedah-faedah pembangunan ekonomi dan sosial untuk mencapai perpaduan negara, dengan berlandaskan kepada Dasar Ekonomi Baru.

Dari segi mengstruktur semula penguasa-penguasa tempatan, saya telah bersetuju supaya sebuah penguasa tempatan yang dibentuk semula itu dijadikan penguasa perancang tempatan (Local Planning Authority) dan bertanggungjawab dalam usaha-usaha perancangan dan pembangunan. Saya percaya rakyat di bandar-bandar besar dan kecil akan mendapat faedah besar daripada penyusunan semula ini dan dengan demikian saya sukalah menyeru Kerajaan Negeri supaya mempercepatkan pelaksanaan penyusunan semula ini semoga matalamat perpaduan negara akan tercapai sepenuhnya.

Saudara-saudara sekalian.

Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada penduduk-penduduk bandar Taiping dan berdoa semoga Allah melindungi kita serta memberkati usaha kita pada setiap masa.